



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Tarikh : 3 Mei 2018**

**Bil. 4/2018**

**Ruj.: UMS/PEND2.1/100-1/7/2**

---

### **PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA DALAM BULAN RAMADHAN DAN PELEPASAN BEKERJA SEPARUH HARI PADA SATU HARI SEBELUM PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI BAGI KAKITANGAN BERAGAMA ISLAM**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan bagi melaksanakan pindaan waktu bekerja dalam bulan Ramadhan dan pelepasan bekerja separuh hari pada satu hari sebelum perayaan Hari Raya Aidilfitri bagi kakitangan Universiti Malaysia Sabah yang beragama Islam.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Pihak Berkuasa Universiti (PBU) melalui kelulusan secara edaran Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil.2 Tahun 2018 telah bersetuju meluluskan pelaksanaan pindaan waktu bekerja dalam bulan Ramadhan bagi kakitangan yang beragama Islam bertujuan untuk membolehkan kakitangan beragama Islam membuat persiapan berbuka puasa dan menyambut perayaan tersebut.

2.2 Pindaan waktu bekerja pada bulan Ramadhan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Kakitangan berkenaan menggantikan kekurangan waktu bekerja 30 minit pada waktu rehat tengah hari;
- ii. Rumah kakitangan berkenaan yang terletak melebihi 10KM dari kampus dan mempunyai masalah untuk sampai ke rumah sebelum waktu berbuka puasa.
- iii. Kakitangan berkenaan telah mendapat kebenaran daripada Dekan/Ketua Jabatan masing-masing.

### 3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Pelaksanaan waktu bekerja dalam bulan Ramadhan adalah bagi meminda waktu bekerja bagi kakitangan yang beragama Islam yang sedia ada.
- 3.2 Dengan terlaksananya pekeliling ini, maka Waktu Bekerja Pejabat bagi kakitangan Universiti Malaysia Sabah yang beragama Islam adalah seperti **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1:**  
**Waktu Bekerja Pada Bulan Ramadhan Bagi Kakitangan Beragama Islam Di UMS**

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja (mula)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (tamat)
WP1	Isnin – Khamis	7.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 1.30 ptg	1.30 ptg – 4.00 ptg
	Jumaat	7.30 pg – 11.45 pg	11.45 pg – 1.45 ptg	1.45 ptg – 4.00 ptg
WP2	Isnin – Khamis	8.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 1.30 ptg	1.30 ptg – 4.30 ptg
	Jumaat	8.00 pg – 11.45 pg	11.45 pg – 1.45 ptg	1.45 ptg – 4.30 ptg
WP3	Isnin – Khamis	8.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 1.30 ptg	1.30 ptg – 5.00 ptg
	Jumaat	8.30 pg – 11.45 pg	11.45 pg – 1.45 ptg	1.45 ptg – 5.00 ptg
WP4	Isnin – Khamis	9.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 1.30 ptg	1.30 ptg – 5.30 ptg
	Jumaat	9.00 pg – 11.45 pg	11.45 pg – 1.45 ptg	1.45 ptg – 5.30 ptg

- 3.3 Waktu pelepasan bekerja separuh hari pada sehari sebelum perayaan Hari Raya Aidilfitri tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- i. Hari Raya Aidilfitri jatuh pada hari Isnin hingga Sabtu;
  - ii. Sekiranya perayaan jatuh pada hari Ahad, tiada pelepasan bekerja separuh hari diberikan pada hari Jumaat.
- 3.4 Pelaksanaan pindaan Waktu Bekerja dalam bulan Ramadhan dan Pelepasan Bekerja Separuh Hari Sebelum Perayaan Hari Raya Aidilfitri ini hanya terpakai kepada pegawai yang bekerja mengikut Waktu Bekerja Pejabat. Bagi pegawai yang bekerja mengikut syif, Ketua Jabatan akan menimbangkan kemudahan seumpama ini dengan membuat penyesuaian waktu bekerja selaras dengan keperluan perkhidmatan masing-masing.

## 4 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, Terima Kasih.

**"BERTEKAD CEMERLANG"**

Yang ikhlas,



**NO'MAN HJ. AHMAD**

Pendaftar

Tarikh : **3** Mei 2018

- s.k. ☞ Naib Canselor  
☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
☞ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)  
☞ Penolong Naib Canselor  
☞ Fail